



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERSEPSI GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PENGAJARAN DIGITAL

NUR LIYANA ATHIRAH BINTI ANUAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERSEPSI GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PENGAJARAN DIGITAL

NUR LIYANA ATHIRAH BINTI ANUAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة الإسلامية لتعليم سلطان إدریس

Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Pendidikan
Sarjana Pendidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

√

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 7 JANUARI 2025

i. Perakuan Pelajar

Saya, NUR LIYANA ATHIRAH BINTI ANUAR (M20201000282) FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN Dengan Ini Mengaku Bahawa Disertasi/Tesis Yang Bertajuk PERSEPSI GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PENGAJARAN DIGITAL adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. SAMSUDDIN BIN ABD.HAMID dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PERSEPSI GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PENGAJARAN DIGITAL dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)

3/2/2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia

Pind. 90 m/s 1/1



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
CamScanner



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PERSEPSI GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PENGAJARAN DIGITAL
No. Matrik / Matric's No.: M20201000282
Saya / I: NUR LIYANA ATHIRAH BINTI ANUAR
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek Ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR. SAMSUDDIN ABD HAMID

Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan

Tarikh: 18 Oktober 2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkepentingan yang menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT. Dengan rahmat serta izin-Nya, disertasi ini dapat disiapkan dengan jayanya. Pertama, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Samsuddin bin Abd. Hamid sebagai penyelia disertasi dan para penilai yang telah banyak membantu memberikan tunjuk ajar dan panduan sepanjang pengajian ini. Terima kasih juga kepada suami saya, Mohd Ruhaifi Bin Yusuf, barisan pentadbiran Institut Pasca Siswazah UPSI (IPS), Unit Pengurusan Akademik Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (ERPD), Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPN), dan Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor, kerana telah banyak membantu saya untuk menyiapkan disertasi ini. Terima kasih juga saya tujukan kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang secara langsung atau tidak langsung menyumbangkan idea dalam disertasi ini. Seterusnya, dedikasi khas buat insan tersayang, anak-anak Nur Yumna Yusra, Amsyar Mutaqem, Nur Erina Sofia, dan Assyifa Ibtihal yang sentiasa sabar sepanjang pengajian umi mereka. Akhir kalam, sekali lagi saya merakamkan penghargaan ke atas semua pihak yang terlibat dalam penulisan disertasi ini. Terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran digital, khususnya dari aspek kebolehgunaan alatan digital, kemahiran dan sikap mereka terhadap penggunaannya. Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif analisis data secara kuantitatif dengan melibatkan populasi guru Pendidikan Islam seramai 320 orang dan 175 responden di sekolah rendah Hulu Selangor. Instrumen kajian adalah daripada tujuh orang pakar kesahan, manakala kebolehpercayaan adalah untuk memastikan ketepatan pengukuran data yang dikumpul. Data dianalisis dengan menggunakan borang soal selidik dalam talian yang diisi oleh responden secara rawak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan aplikasi digital dalam pengajaran adalah positif. Guru-guru secara umumnya berpersepsi bahawa kemahiran menggunakan aplikasi digital bukan sahaja memudahkan penyampaian ilmu, tetapi juga membantu dalam usaha membina akhlak murid dengan menggunakan pendekatan yang interaktif dan menarik. Kecekapan iaitu kebolehgunaan alatan, kemahiran dan sikap guru dalam menggunakan aplikasi digital turut berada pada tahap yang memuaskan. Keputusan ujian-t mendapati terdapat perbezaan signifikan dalam persepsi guru terhadap pengajaran digital berdasarkan jantina, dengan nilai $p = 0.034$ ($p < 0.05$) dan saiz kesan yang kecil menyebabkan hipotesis nul ditolak. Manakala analisis hubungan melalui varian ujian ANOVA sehal menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kebolehgunaan alatan digital dengan umur dan hipotesis nul diterima. Berdasarkan dapatan ini, kajian mencadangkan agar sokongan tambahan dalam bentuk latihan khusus dan peningkatan infrastruktur diberikan kepada guru Pendidikan Islam untuk memperkukuh penggunaan pengajaran digital. Penyelidikan lanjutan dicadangkan untuk mengkaji faktor-faktor lain, seperti kesediaan mental dan sokongan pentadbiran sekolah, yang mungkin mempengaruhi penerimaan dan keberkesanan penggunaan teknologi digital dalam Pendidikan Islam.





PERCEPTION OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS TOWARDS DIGITAL LEARNING

ABSTRACT

This study aims to identify Islamic Education teachers' perceptions of digital learning, particularly regarding the usability of digital tools, their skills, and attitudes toward its application. The study uses a descriptive approach to quantitative data analysis, involving a population of 320 Islamic Education teachers and 175 respondents in primary schools in Hulu Selangor. The study's instrument was validated by seven experts, and reliability was assessed to ensure the accuracy of the collected data. Data were analyzed using an online questionnaire completed randomly by respondents. The findings show that Islamic Education teachers have a positive perception of using digital applications in teaching. Generally, teachers believe that digital skills not only facilitate knowledge delivery but also assist in character building among students through interactive and engaging methods. Teachers' competence, specifically the usability of tools, their skills, and attitudes toward digital application, rated as satisfactory. The t-test results indicated a significant difference in teachers' perceptions of digital learning based on gender, with a p-value of 0.034 ($p < 0.05$) and a small effect size, leading to the rejection of the null hypothesis. In contrast, a one-way ANOVA analysis showed no significant difference in the usability of digital tools based on age, thus accepting the null hypothesis. Based on these findings, the study recommends additional support in the form of specialized training and improved infrastructure for Islamic Education teachers to enhance digital learning. Further research is suggested to examine other factors, such as mental readiness and school administration support, which may influence the acceptance and effectiveness of digital technology in Islamic education.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.6.1 Kepentingan dalam Masyarakat	11
1.6.2 Kepentingan dalam Pendidikan	11
1.6.3 Kepentingan dalam Kalangan Guru	12
1.7 Hipotesis Kajian	12

1.8	Kerangka Teori Kajian	13
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	16
1.10	Definisi Operasional	17
1.10.1	Pembinaan Akhlak	17
1.10.2	Pengajaran Teknologi Digital	19
1.10.3	Teknologi Digital	21
1.10.4	Aplikasi Komputer	22
1.11	Kesimpulan	24

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	25
2.2	Kepentingan Subjek Akhlak dalam Pendidikan Islam	27
2.3	Konsep Perkembangan Teknologi Digital Internet dalam Pendidikan Islam	29
2.4	Strategi Pengajaran berbentuk Aplikasi Teknologi Digital	33
2.5	Teori dan Model TAM dalam Strategi Pengajaran menggunakan Teknologi Digital Internet untuk Membina Akhlak Murid	36
2.6	Pengajaran Pedagogi dan Pembelajaran Abad Ke-21	38
2.7	Kemahiran guru Pendidikan Islam dalam membangunkan akhlak murid	41
2.8	Kesediaan Guru Pendidikan Islam Dari Sudut Kreativiti Dan Inovasi	43
2.9	Dapatan Kajian Lepas	44
2.9.1	Kajian Yang Berfokus Kepada Pembinaan Akhlak	44
2.9.2	Kajian Kepada Pelaksanaan Strategi Pedagogi Pengajaran Teknologi Digital Internet	50
2.10	Sumbangan Kajian	55
2.11	Kesimpulan	57

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	59
3.2	Reka Bentuk Kajian	60
3.3	Prosedur Pengumpulan Data	60
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	61
3.5	Instrumen Kajian	65
3.6	Prosedur Kaedah Menganalisis Dan Mengumpul Data	69
3.7	Kesimpulan	71

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	73
4.2	Demografi Respondan	74
4.3	Analisis Diskriptif	76
4.4	Analisis Hubungan	86
4.5	Kesimpulan	88

BAB 5 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	90
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	91
5.3	Objektif Kajian	96
5.4	Implikasi Kajian	99
5.5	Cadangan untuk Kajian Masa Depan	101
5.6	Kesimpulan	104

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Petikan Sebahagian Saiz Sampel Krejcie Dan Morgan (1970)	63
3.2	Bilangan Sekolah Dan Bilangan Guru Pendidikan Islam	63
3.3	Langkah Penentuan Soal Selidik dalam Google Form	65
3.4	Senarai nama pengesahan instrument kajian	68
3.5	Contoh Interpretasi Skor Min	70
4.1	Profil latar belakang responden	74
4.2	Taburan kekerapan, peratus dan min kebolegunaan alatan digital dalam kalangan guru pendidikan islam dalam membina akhlak murid	77
4.3	Tahap kemahiran penggunaan aplikasi digital	80
4.4	Sikap guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan aplikasi digital (Attitude Towards using)	83
4.5	Min skor kebolegunaan alatan digital dengan umur	87
4.6	Min skor kebolegunaan alatan digital guru lelaki dan perempuan	87
4.7	Min skor kebolegunaan alatan digital dengan kelayakan akademik	88

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka teoritikal kajian adaptasi Teori Technology Acceptance Model	13
1.2	Rangka konseptual kajian Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Pengajaran Digital	17
2.1	Contoh Penggunaan Aplikasi Whatapps yang menggunakan alatan telefon sebagai kaedah PdPc murid dalam pembinaan akhlak murid	53
2.2	Contoh penggunaan alat telefon dan komputer sebagai kaedah PdPc murid bersama guru mereka	54
2.3	Contoh kaedah cybergogy dan hetogogi guru Pendidikan Islam dalam PdPc untuk membina akhlak murid	54
2.4	Sumbangan kajian kepada para penyelidik, pensyarah dan pelajar untuk mendapatkan matlamat dalam sesuatu ilmu melalui pembacaan tesis	55
2.5	Hasil daripada penyelidikan ini akan memudahkan para guru dalam sektor pendidikan untuk menghasilkan kajian tindakan di sekolah	56
2.6	Hasil penyelidikan kajian ini dapat memberi peluang dan manfaat kepada pembaca untuk mendapatkan data yang sebenar	56
3.1	Reka Bentuk Kajian	60
3.2	Populasi dan sampel	67



SENARAI SINGKATAN

DPLI	Diploma Perguruan Lepas Ijazah
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GPI	Guru Pendidikan Islam
ICT	Information and communication
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SPM	Sijil Peperiksaan Malaysia
TAM	Technology Acceptance Model
TMK	Teknologi Maklumat Komunikasi
UITM	Universiti Institut Teknologi Mara
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

- A Borang semakan kesahan pakar
- B Borang soal selidik
- C Surat kelulusan bersyarat untuk menjalankan kajian
- D Surat maklum balas Kementerian Pendidikan Malaysia
- E Surat kelulusan menjalankan kajian Kementerian Pendidikan Malaysia
- F Borang bahagian perancangan dan penyelidikan dasar Pendidikan (BPPDP)
- G Surat pengesahan status pelajar



BAB 1

Pengenalan



Ajaran Islam sangat mementingkan pendidikan akhlak (Ruslan dan Ibrahim, 2000). Pendidikan akhlak dalam Islam bermaksud pembangunan insan secara menyeluruh dan holistik (Mustapa et al., 2024). Alavi (2007) pula berpendapat bahawa dari sudut pandangan al-Ghazali, definisi pendidikan ialah interaksi yang baik dan bijaksana antara guru dan pelajar. Interaksi tersebut berlaku secara langsung dan perlahan-lahan secara berterusan. Dengan kata lain, pendidikan itu berkembang sepanjang hayat bagi seseorang yang bertujuan untuk memupuk akhlak secara harmoni dan muktamad. Pendidikan itu juga meletakkan semua ciptaan yang Allah ciptakan dalam diri pelajar untuk kebahagiaan dan faedah rohaninya. Justeru, ajaran Islam juga turut menekankan kepentingan pendidikan yang berkaitan dengan akhlak.





Perkembangan teknologi dalam pendidikan negara telah membuka minda para pendidik dengan wujudnya pengajaran dan pembelajaran secara digital. Kini, perkembangan pendidikan telah memasuki era Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) (Ar et al., 2020). Menurut Miftah Nurul Annisa dan Ade Wiliyah, (2020), teknologi yang digunakan dalam dunia pendidikan sangat membantu pembelajaran serta perkembangan ilmu pengetahuan. Hal ini secara tidak langsung, perkembangan ilmu pengetahuan melalui kaedah pengajaran digital dapat meningkatkan pembinaan akhlak murid dan ilmu kemanusiaan.

Suciati (2018) berpendapat bahawa pembelajaran digital merupakan cara pendidikan masa kini yang dipengaruhi oleh perkembangan teknologi komunikasi dan informasi pada era revolusi 4.0. Menurut Ismail et al. (2019), perubahan tersebut telah memberikan impak positif dan negatif dalam dunia pendidikan kerana pelajar masa kini lebih berminat untuk belajar menggunakan kaedah kajian rakan sebaya dan e-pembelajaran. Pembelajaran yang berasaskan teknologi digital juga membantu murid memberi tumpuan terhadap pengajaran guru mereka.

Pembelajaran dalam talian ini juga mampu memberi kesan yang positif kepada kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (Ajmain Talhah & Mohamed Ahmad Kilani, 2019). Menurut Abdul Wahab et al. (2020), pelajar-pelajar yang ada pada hari ini lebih tertarik dengan pembelajaran secara interaktif. Oleh itu, kemunculan teknologi maklumat telah mengubah corak pengajaran dan pembelajaran pada hari ini (Wahab et al., 2020).





Guru yang berkualiti adalah individu yang mampu menguasai dan merealisasikan segala bentuk kemahiran dan pengetahuan (Kasmin et al., 2019). Guru Pendidikan Islam khususnya perlulah lebih bersikap terbuka, proaktif, produktif dan menguasai kemahiran teknologi maklumat serta komunikasi. Guru juga dikenali sebagai pemangkin ke arah penghasilan pendidikan yang cemerlang dan berkualiti.

Kesimpulan, kajian ini dijalankan untuk mengkaji secara lebih mendalam dari aspek persepsi guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap pengajaran dan pengaplikasian digital untuk membina akhlak murid melalui PdPc kelas. Perkembangan dalam dunia pendidikan masa kini menjelaskan bahawa keperluan guru untuk mendidik murid melalui pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan teknologi digital dipandang serius.



1.2 Latar Belakang Kajian

Penggunaan aplikasi digital dalam pendidikan kini semakin penting dan popular seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (Mustapa et al., 2024). Menurut Khalissafri Mohd Haslin & Mohd Isa Hamzah (2023), perkembangan dunia teknologi pendigitalan ini telah berkembang dengan pantas dan telah berlaku perubahan secara langsung dalam pelbagai bidang termasuklah pendidikan. Bagi golongan pendidik pula, perkembangan penggunaan TMK ini telah mengubah proses pembelajaran menjadi lebih menarik dan kreatif selain membuka banyak ruang kemudahan terutama dalam mengubah teknik penyampaian ilmu pengajaran dengan lebih berkesan (Muhammad Basri Mohd Zaid et al., 2024).





Transformasi pendidikan kini telah berada di gelombang ketiga (2021 – 2025), dengan mengarah ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluasan operasi dengan melaksanakan program dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi kumpulan berkeperluan khusus di seluruh negara untuk meningkatkan standard pembelajaran secara berterusan (Malaysia Education Blueprint , 2013). Justeru itu, strategi pendidikan hendaklah selari dengan perkembangan transformasi teknologi internet.

Teknologi baharu internet telah berkembang dengan pesat. Oleh itu, pendidikan kini memerlukan kepada tiga literasi, iaitu data, manusia, dan teknologi (Faulinda & Aghni, 2020). Sebagai contoh, kajian mengenai inovasi kesepaduan dan strategi pengajaran dan pembelajaran di era revolusi industri 4.0 telah menunjukkan bahawa perkembangan teknologi dan penggunaannya hendaklah disepadukan bertujuan untuk melahirkan masyarakat mengikut yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara, iaitu memfokuskan perkembangan pendidikan untuk kemenjadian murid (Taib et al., 2019).

Perkembangan teknologi pada masa kini memerlukan guru Pendidikan Islam untuk menguasai pelbagai kaedah pengajaran yang sesuai. Hal ini demikian kerana, perkembangan teknologi seiring dengan perkembangan pendidikan dan kepakaran guru amat penting bagi memastikan guru dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam diri murid.

Selaras dengan itu, anjakan ketiga dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai yang lebih menumpukan kepada penerapan nilai-nilai murni





dalam pendidikan (Malaysia Education Blueprint , 2013). Oleh itu, guru berperanan sebagai pemudah cara hendaklah sedaya upaya mengaplikasikan penggunaan teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran murid dengan menggunakan daya kreativiti dan inovasi masing-masing.

Pendidikan yang lebih komprehensif dapat membentuk pelajar yang kritis dan kreatif bagi meningkatkan sistem pembelajaran dalam talian yang telah wujud selama satu dekad (Kamrozzaman et al., 2019). Metode pembelajaran berdasarkan jaringan ini dapat membantu pelajar menyelesaikan tugas yang diberikan tepat pada masanya secara efektif (Aziz Noradilah & Sieng, 2019). Teknologi digital adalah cara berinteraksi di dalam persekitaran yang dicipta oleh pelajar-pelajar masa kini seperti permainan komputer, telefon bimbit, dan dunia maya (Mohid et al., 2018).



Yusoff Awang (2018) menyatakan bahawa, dunia pendidikan menggalakkan guru untuk lebih peka terhadap dinamika pendidikan yang terus berkembang dalam pelbagai dimensi, termasuk kandungan ilmu, metodologi, serta pedagogi PdP yang harus disesuaikan dengan budaya yang terus berubah, termasuk budaya teknologi dan komunikasi maya. Oleh itu, guru memiliki tanggungjawab yang besar sebagai seorang pendidik. Tanggungjawab bukan sahaja kepada Allah S.W.T., bahkan amanah ini menjadi tanggungjawab kepada ibu bapa dan negara.

Seorang guru yang mendidik murid dengan efektif mestilah mempunyai kebolehan untuk menyediakan persekitaran yang kondusif dalam pembelajaran dan mewujudkan pengajaran yang kreatif di sekolah. Komunikasi digital digunakan dalam kalangan masyarakat sebagai suatu keperluan dalam kehidupan untuk perhubungan di





alam maya. Penggunaan teknologi digital telah menjadi satu medium utama dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Kesimpulannya, guru Pendidikan Islam hendaklah menguasai pelbagai kaedah pengajaran yang sesuai bagi memastikan penerapan nilai-nilai murni secara berkesan, dan sahsiah pelajar dapat dibentuk dengan baik. Oleh itu, pendidik terutamanya guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam proses pembentukan akhlak murid pada hari ini dan masa hadapan (Muhd Fauzi et al., 2018).

1.3 Pernyataan Masalah

Realitinya, dunia tanpa sempadan khususnya penggunaan gajet dalam kalangan anak-anak kini berkembang lebih pantas (M. Fariddudin et al., 2022). Perkembangan teknologi digital itu memungkinkan wujudnya pelbagai perkara baharu yang melibatkan masalah dalam sosial masyarakat. Contohnya, kajian oleh Nur Sarida Mohd Fuad et al. (2022) menyatakan bahawa peningkatan budaya dan keruntuhan akhlak dalam media sosial telah berlaku terutamanya dalam konteks jenayah siber.

Selain itu, Nur Sarida Mohd Fuad et al. (2022), Ab Aziz dan Ilyana (2018) turut menyatakan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja juga telah menjadi topik diperbincangkan kerana isu tersebut semakin meningkat dan dilihat amat membimbangkan. Bilangan kes aduan kandungan media baharu yang diterima oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada 2020 meningkat 99.5 peratus kepada 20,805 aduan daripada 10,426 aduan (2019). Kesemua elemen





aduan mencatatkan peningkatan kes aduan. Aduan tertinggi yang dicatatkan pada 2020 ialah elemen aduan palsu iaitu 6,637 aduan meningkat 117.6% daripada tahun sebelumnya. Oleh itu, perkembangan teknologi digital dalam internet memunculkan cabaran bagi guru dalam membangunkan aspek spiritual akhlak murid.

Keadaan tersebut memperlihatkan kepada kita bahawa budaya keruntuhan akhlak terutama yang melibatkan jenayah siber semakin meningkat. Menurut Muhamad Asyraf dan Rushdi (2017), perlakuan jenayah siber membolehkan pelaku tersebut menggunakan sebarang jenis peranti elektronik melalui sambungan perkhidmatan internet yang melibatkan seseorang individu atau sekumpulan orang dan mereka mampu menjangkau batasan sesebuah negara ke negara yang lain dalam tempoh masa yang singkat dan tidak terhad batasan. Tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan jenayah dalam dunia teknologi itu juga menyebabkan tanggungjawab dalam mencorakkan pendidikan anak-anak kini semakin mencabar (M. Fariddudin et al., 2022).

Di sebalik kepesatan teknologi ini juga, kesan yang dapat dilihat ialah umat Islam mengalami ancaman dari sudut akidah kerana kemajuan internet dan kemudahan maklumat yang semakin berkembang telah menyebabkan hubungan sosial, kemajuan internet dan kemudahan maklumat saling mempengaruhi antara satu sama lain (M. Fariddudin et al., 2022). Kenyataan itu juga turut disokong oleh Nur Sarida et al. (2022) yang menyebut bahawa alat komunikasi yang muncul dalam era globalisasi melalui internet merupakan satu wadah penyebaran maklumat, idea, ideologi dan propaganda secara mudah dan pantas tanpa mengambil kira sempadan masa dan geografi. Justeru itulah, kadar peningkatan keruntuhan akhlak dan jenayah siber semakin meningkat





kerana perhubungan sosial manusia yang semakin berkembang melalui jaringan teknologi internet tersebut.

Hal demikian kerana, pembangunan kemanusiaan dan pembelajaran yang berasaskan digital itu merupakan antara salah satu daripada rangkaian revolusi industri 4.0 (Nana dan Surahman, 2019). Masyarakat lazimnya akan menggunakan alatan aplikasi dalam teknologi digital untuk menunjukkan kemajuan dalam pengajaran dan pembelajaran selain menuju ke arah globalisasi komunikasi. Contohnya, gamifikasi dalam aplikasi teknologi digital. Menurut pandangan Wulandari (2021), teknik gamifikasi merupakan salah satu daripada aspek-aspek permainan seperti pemberian tetangga, hadiah, kompetisi dan kepuasan berprestasi yang dapat meningkatkan motivasi dan keterlibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Dengan kebermanfaatannya teknologi digital itu, adakalanya gamifikasi tersebut boleh membuatkan seseorang sangat leka serta mengabaikan segala tugas hakiki di dunia dan akhirat (Miftah et al., 2020).

Ismail A'dawiyah et al. (2020), sikap kanak-kanak telah berubah disebabkan permainan video kerana unsur dalam permainan video menjadikan kanak-kanak terpengaruh dan realitinya, mereka akan lalai dengan alam fantasi. Seperti kanak-kanak akan mula menunjukkan sifat amarah, menjerit dan memberontak untuk melepaskan kemarahan apabila kalah dalam sesuatu permainan video tersebut. Menurut Muhd Fauzi et al. (2018) pula, impak yang besar kepada murid sekolah itu juga boleh mengakibatkan mereka bersikap agresif, mempunyai kebebasan tanpa had dan tidak suka kehidupan yang dikongkong oleh pelbagai pihak. Keadaan tersebut akan





menyukarkan kawalan ibu bapa dan guru terutamanya terhadap kanak-kanak dalam pembinaan akhlak mereka.

Kesimpulan, pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan menyediakan peluang baru kepada guru apabila munculnya pengintegrasian teknologi (Lim et al., 2024). Penggunaan teknologi dan internet dalam aktiviti pembelajaran memberi kesan iaitu berlakunya perubahan kepada teori pembelajaran tradisional seperti *behaviorisme*, *kognitivisme*, dan *konstruktivisme* (Hashim, 2017). Manakala, guru Pendidikan Islam sangat memainkan peranan penting dalam membina akhlak murid. Oleh itu, guru hendaklah sentiasa bersedia dengan segala perubahan pendidikan yang menggunakan aplikasi teknologi digital. Guru yang proaktif sentiasa peka dan menerima segala bentuk pedagogi yang menggunakan aplikasi digital agar sejajar dengan falsafah pendidikan iaitu melahirkan kemenjadian murid.

1.4 Objektif Kajian

Umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesediaan dan strategi guru Pendidikan Islam dalam menggunakan aplikasi teknologi digital seperti telefon dan komputer dalam usaha membina akhlak murid. Oleh itu, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tahap kebolegunaan alatan digital dalam kalangan guru Pendidikan Islam dalam membina akhlak murid.
2. Mengetahui tahap kemahiran guru Pendidikan Islam dalam penggunaan aplikasi digital dalam membina akhlak murid.



3. Mengenal pasti sikap guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan aplikasi digital dalam membina akhlak murid.
4. Mengenal pasti perbezaan demografi guru Pendidikan Islam (umur, jantina dan tahap akademik) dengan tahap kebolegunaan alatan digital dalam membina akhlak murid.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap kebolegunaan alatan digital dalam kalangan guru Pendidikan Islam untuk membina akhlak murid?
- ii. Apakah tahap kemahiran guru Pendidikan Islam dalam penggunaan aplikasi digital dalam membina akhlak murid?
- iii. Apakah sikap guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan aplikasi digital dalam membina akhlak murid?
- iv. Adakah terdapat perbezaan demografi (umur, jantina dan tahap akademik) guru Pendidikan Islam dengan tahap kebolegunaan alatan digital dalam membina akhlak murid?



1.6 Kepentingan Kajian

1.6.1 Kepentingan dalam Masyarakat

Masyarakat umumnya sangat memerlukan penggunaan aplikasi teknologi digital untuk menjalankan aktiviti mereka. Dengan wujudnya kajian ini, maka pengkaji dapat memperoleh data sebenar kemudian menyimpulkan keputusan yang diperoleh melalui hebahan dalam bentuk penulisan. Oleh itu, kajian penyelidikan ini dilihat sangat penting kerana pengkaji ingin mendedahkan kepentingan teknologi TMK dalam pengajaran dan pembelajaran kepada masyarakat.



1.6.2 Kepentingan dalam Pendidikan

Kajian ini juga penting untuk menyedarkan pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk bertindak mengatasi masalah akhlak murid yang merupakan agen utama kelahiran sebuah masyarakat. Sistem pengajaran yang menggunakan teknologi digital bukan sahaja penting digunakan pada waktu kecemasan sahaja seperti musim COVID-19, namun aplikasi alatan digital berasaskan telefon sebagai contohnya akan sentiasa digunakan oleh murid pada setiap masa.

Oleh demikian, kesan penggunaan telefon tanpa kawalan boleh menyebabkan perubahan pada akhlak murid. Selain itu, penggunaan alatan digital terutama telefon dapat memberi kesan kepada perubahan struktur pendidikan di Malaysia dan cabaran





baru kepada guru untuk berhadapan dengan kaedah pengajaran untuk membentuk akhlak murid. Justeru itu, kajian ini sangat relevan dijalankan untuk mengenal pasti kesediaan dan penerimaan guru Pendidikan Islam dengan kaedah pengajaran digital untuk membina akhlak murid.

1.6.3 Kepentingan dalam Kalangan Guru

Kewujudan ICT dapat membantu dalam sistem pengajaran dan pembelajaran (P&P). Mengikut laporan *Hootsuite*, sebanyak 40.69 juta hubungan telefon mudah alih, iaitu 127 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Jumlah perkakasan mudah alih telah banyak dimiliki dan melebihi bilangan penduduk. Ini membuktikan bahawa pembelajaran secara mudah alih dapat merapatkan jurang digital. Oleh itu, hasil daripada penyelidikan ini adalah sangat penting kerana dapat membina semangat baru kepada semua pihak untuk bersama-sama menerapkan aplikasi teknologi dalam dunia pendidikan.

1.7 Hipotesis Kajian


H01 Tidak terdapat perbezaan antara demografi guru Pendidikan Islam dengan tahap kebolegunaan alatan digital.



1.8 Kerangka Teori Kajian

Rajah 1.1

Kerangka teoritikal kajian adaptasi Teori Technology Acceptance Model



Bentuk model TAM telah digunakan dalam kajian ini. Hal ini kerana, model TAM merujuk kepada persepsi guru untuk menerima dan menggunakan sesuatu teknologi dalam pedagogi pengajaran dan pembelajaran murid. Melalui kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam menggunakan aplikasi teknologi digital, ia dapat meningkatkan prestasi kerja-kerja guru dalam PdPc seperti peningkatan kreativiti dan motivasi. Davis (1989) mentakrifkan "*perceived usefulness (PU)*" sebagai tahap di mana seseorang percaya bahawa menggunakan sistem tertentu akan meningkatkan prestasi kerja mereka.

Teori *Technology Acceptance Model (TAM)* yang diperkenalkan oleh Davis (1989) bertujuan untuk memahami tingkah laku penerimaan sesebuah teknologi baharu berdasarkan kepada niat pelaku. Persepsi guru pula dilihat secara menyeluruh dari segi



keupayaan sikap dan kekuatan mental dalam mengendalikan sesebuah pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid.

Persepsi dan kaedah guru Pendidikan Islam dalam pengajaran yang menggunakan teknologi digital dalam model TAM pada bahagian *perceived usefulness (PU)* mempunyai hubungan dalam konteks penguasaan alatan digital internet. Contohnya, guru mengaplikasikan elemen-elemen seperti strategi pedagogi seperti heutogogi dengan menggunakan aplikasi seperti *Google Classroom, Flipped Classroom, gamification, Webex, video, Gmeet, WhatsApp* dan sebagainya dalam PdP murid bagi memudahkan guru dalam penyampaian ilmu mereka. Melalui strategi heutogogi tersebut, guru dapat mengintegrasikan penguasaan digital melalui daya kreativiti dan inovasi mereka dengan niat untuk menyampaikan ilmu secara mudah melalui pengaplikasian alatan digital internet. Sebagai contoh dalam mata pelajaran Akhlak, guru Pendidikan Islam boleh menyediakan video animasi kartun dalam bentuk strategi heutogogi mereka. Guru Pendidikan Islam perlulah menggabungkan tiga perkara iaitu *blended learning, flipped classroom* dan *gaminification*. *Blended Learning* ialah program pembelajaran yang menggabungkan media digital dengan kaedah tradisional dalam bilik darjah, sama-sama dengan guru, yang boleh dijalankan secara formal atau tidak formal atas talian. Pendekatan kepada pembelajaran ini membolehkan murid mengawal masa, tempat, dan kadar pembelajaran (Abdul Mutalib, 2017).

Abdul Mutalib (2017), *Flipped classroom* ialah model pedagogi iaitu murid diberi video pendek oleh guru mereka untuk ditonton sebelum melakukan aktiviti di dalam kelas secara perbincangan, latihan dan projek. Selain itu, *gamification* adalah kaedah yang digunakan oleh guru untuk memotivasikan murid. Bentuk pembelajaran





ini dapat memotivasikan murid kerana *gaminification* dapat mengikat murid untuk maju dalam mencapai tujuan pembelajaran mereka (Abdul Mutalib, 2017).

Konsep persepsi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan kehadiran PdPc adalah mereka dapat memberi keseronokan kepada murid untuk menerima pembelajaran secara baik. Selain itu, guru juga perlu berkolaborasi bersama murid dalam bentuk pedagogi dalam bentuk heutogogi agar murid dapat mengambil pengajaran akhlak yang baik daripada guru mereka. Guru yang efektif dan berintegriti tinggi menganggap bahawa perkembangan teknologi digital kini sangat berguna untuk meningkatkan mutu pendidikan dalam pembinaan akhlak murid. Davis (1989) mendefinisikan "*Perceived Ease of Use*" (PEDU) sebagai tahap di mana seseorang percaya bahawa menggunakan sistem tertentu akan mudah dan memerlukan sedikit



Apabila guru bersedia untuk mempelajari strategi pengajaran yang menggunakan aplikasi teknologi digital internet, maka pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran murid dapat dilaksanakan dengan mudah dan baik. Oleh itu, persepsi guru menggunakan aplikasi teknologi digital internet dalam pengajaran dapat menentukan proses pembinaan akhlak dapat dilakukan dengan sempurna. Secara tidak langsung, pengaplikasian digital internet dalam kalangan guru akan menjadi lebih mudah. Sebagai contohnya, untuk mengajar murid berkenaan dengan akhlak Nabi Muhammad S.A.W., para guru boleh menerapkan kaedah dalam aplikasi teknologi digital yang bersesuaian supaya penyampaian ilmu lebih difahami oleh murid. Penyediaan video dan aplikasi serta alatan teknologi digital seperti komputer dan telefon, contohnya, akan lebih memudahkan perjalanan PdPc guru dalam pembinaan akhlak murid.





Model TAM dalam bahagian *perceived usefulness* (PU) dan *perceived ease-of-use* (PEOU) dapat memperkukuhkan kajian persepsi guru Pendidikan Islam untuk mengaplikasikan teknologi digital dalam pembinaan akhlak murid sekolah. Model asas TAM, yang mempunyai konsep fleksibel, diperkenalkan oleh Davis et al. (1989). Persepsi kegunaan (*perceived usefulness*) dalam konteks ini merujuk kepada strategi teknologi digital yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka (Robbins, 1964).


1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Pengkaji telah membentuk satu kerangka konsep dengan melihat kepada *Technology Acceptance Model* (TAM) (Davis, 1989). Kerangka konsep dalam bentuk gambar rajah ini dapat menggambarkan keseluruhan kajian secara kasar. Berdasarkan kerangka konsep tersebut, pengkaji ingin melihat penerimaan dan kesediaan guru dari sudut pengetahuan, motivasi serta strategi pengajaran dan pembelajaran menggunakan aplikasi teknologi digital dalam pembinaan akhlak murid. Pengkaji juga ingin menggambarkan strategi pengajaran dan pembelajaran menggunakan aplikasi teknologi digital guru Pendidikan Islam dalam pembinaan akhlak murid berdasarkan motivasi dan kreativiti guru Pendidikan Islam.



Rajah 1.2

Rangka konseptual kajian Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Pengajaran Digital



1.10 Definisi Operasional

1.10.1 Pembinaan Akhlak

Kamus Dewan Edisi keempat menjelaskan perbuatan membina. Pembinaan di sini ialah pembinaan akhlak iaitu untuk lebih memperkembangkan akhlak yang ada dalam diri pelajar. Al-Ghazali (1979) dalam kitabnya "*Bimbingan Mukmin*" menjelaskan hakikat budi pekerti itu ialah perilaku iaitu hal dan keadaan yang meresap dalam jiwa seseorang. Menurutnya lagi, akhlak yang mulia terbina dari empat asas. Antaranya ialah



hikmat atau kebijaksanaan, syaja'ah atau keberanian, 'iffah atau kebersihan jiwa, dan adil atau keadilan (Al-Ghazali, 1979).

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat, akhlak (jamak bagi *khuluk*) (Bahasa Arab Italik) budi pekerti, kelakuan, tabiat. Menurut Zakaria (2020), perkataan *ta'dib* merupakan istilah tarbiah dan kata dasar "*adab*" bermaksud mendidik dan mengajar adab atau akhlak. Akhlak dalam kajian ini ialah mengenal pasti persepsi guru untuk menambah baik akhlak murid melalui penggunaan alatan aplikasi teknologi digital dalam pengajaran abad ke-21. Menurut Nata (2018), manusia menggunakan alatan teknologi komputer dengan bebas, maka perlu adanya keselarasan ilmu Pendidikan Islam dan tanggungjawab pendidik adalah membina akhlak manusia.



menghasilkan perbuatan baik menurut akal dan *syara`*, perbuatan ini dinamakan perbuatan baik, dan apabila kebiasaan membawa kepada perbuatan jahat, ia dipanggil perbuatan jahat. Ruslan dan Ibrahim (2000) menyatakan bahawa, dalam menghadapi era globalisasi kini, isu etika yang mempunyai hubung kait dengan akhlak masih menjadi topik perbincangan yang kerap diperbincangkan dalam kalangan pelbagai golongan khususnya golongan agama. Oleh itu kajian ini penting untuk pembinaan akhlak kerana melalui pengajaran dan pembelajaran daripada guru akan menghasilkan murid yang mempunyai nilai murni yang baik. Akhlak falsafah merangkumi nilai-nilai moral seperti kebijaksanaan, keberanian, kesucian, keadilan dan adab yang baik ciri itu dalam teks falsafah klasik (Alavi, 2007).





1.10.2 Pengajaran Teknologi Digital

Proses pengajaran guru yang berasaskan teknologi digital memenuhi pelan pembangunan Pendidikan negara 2021-2025 iaitu menerapkan pembelajaran secara digital dalam kalangan murid sekolah. Komputer beroperasi dengan menggunakan angka atau aksara lain untuk mewakili data, mendigitalkan menukarkan (dan sebagainya) kepada bentuk digital supaya dapat diproses secara langsung oleh komputer, pendigitalan proses (perihal, perbuatan dan sebagainya) mendigitalkan. Keseluruhan sistem pengajaran dan pembelajaran disediakan melalui rangkaian atau internet yang dikendalikan oleh komputer (Hashim, 2017).

Department of AudioVisual Instruction (DAVI) memperkenalkan teknologi pengajaran dengan memberi definisi sebagai komunikasi audiovisual pada tahun 1963.

Definisi tersebut menumpukan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku melalui pengaruh yang kuat dalam teori komunikasi. Manakala, definisi yang dikemukakan oleh *Association for Educational Communication and Technology (AECT)* pada tahun 1994 menjelaskan bahawa teori dan amalan merupakan satu cabang dari komunikasi audiovisual yang bermula dengan reka bentuk dan kegunaan mesej yang dapat mengawal proses pembelajaran (Rashid et al.,2012).

Butler (2012) menyebut, walaupun manusia telah menyimpan, mendapatkan semula, memanipulasi, dan menyampaikan maklumat sejak sistem penulisan terawal dibangunkan, istilah teknologi maklumat dalam pengertian modenya pertama kali muncul dalam artikel 1958 yang diterbitkan dalam *Harvard Business Review*; pengarang Harold Jack Leavitt dan Thomas L. Whisler mengulas bahawa "teknologi





baharu itu belum mempunyai satu nama yang ditetapkan. Kami akan memanggilnya teknologi maklumat (IT)."

Definisi mereka terdiri daripada tiga kategori iaitu teknik untuk pemrosesan, aplikasi kaedah statistik dan matematik untuk membuat keputusan, dan simulasi pemikiran aras tinggi melalui program komputer (Leavitt & Harold J; Whisler, 1980). Kaedah pengajaran teknologi digital ialah usaha seseorang pendidik yang mahir dalam melahirkan modal insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, dan spiritual (Nata, 2018). Oleh itu, teknologi memainkan peranan penting dalam pembangunan personaliti individu melalui keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu, teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja berlaku dalam proses di bilik darjah semata-mata, malah perlu diberi perhatian juga dengan melihat kepada persekitaran dalam kehidupan manusia. (Rashid et al., 2012). Dengan kata lain, apabila guru Pendidikan Islam berkemahiran menggunakan aplikasi teknologi digital internet, maka ia merupakan satu aset kesenian dalam menghasilkan bentuk strategi pengajaran untuk menyampaikan maklumat ilmu pengetahuan seterusnya meningkatkan nilai sahsiah akhlak dalam kalangan murid.

Menurut Souisa (2022), teknologi digital adalah sistem pengoperasian secara automatik dan merupakan satu alat yang manusia tidak lagi menggunakan tenaga secara manual, namun menggunakan sistem format yang boleh dibaca oleh komputer iaitu komputerisasi. Teknologi digital ialah nilai-nilai numerik (kode digital) dan merupakan sistem penghitung yang sangat cepat kerana dapat memproses semua bentuk informasi. Sebaliknya, teknologi komunikasi digital bilangan biner akan membentuk kod digital (1 dan 0 berdasarkan adanya arus elektrik atau tidak yang transistor atur). Selain itu,





teknologi komunikasi itu mempunyai baris isyarat elektrik komputer. Isyaratnya bersifat terputus-putus dan menggunakan sistem bilangan biner. Selain itu, isyaratnya juga bersifat isyarat elektrik komputer. Kemudian, komputer akan mengeluarkan kod digital. Contohnya, bentuk digital dalam bentuk piksel telah berubah dari gelombang cahaya menjadi gambar kamera video.

Selain itu, maksud digital mengikut kamus ensiklopedia ialah satu teknologi data yang menggunakan nilai-nilai diskrit dan dikenali sebagai satu sistem digital. Manakala, menggunakan julat nilai-nilai yang selanjur untuk mewakili maklumat adalah berlawanan dengan sistem bukan digital (atau analog). Walaupun perwakilan digital adalah diskrit, maklumat yang boleh diwakilkan adalah nombor, huruf (arca) atau selanjur, misalnya bunyi, imej dan lain-lain pengukuran sistem selanjur sama ada diskrit (Tocci, 2006). Maklumat dunia sebenar ditukarkan kepada bentuk perduaan sebagaimana di dalam audio digital dan fotografi digital, dan perkataan digital ini paling sering digunakan dalam pengkomputeran dan elektronik, terutamanya (Tocci, 2006). Terdapat beberapa ciri dalam pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan peralatan dalam pengaplikasian teknologi digital. Antara ciri-ciri tersebut ialah:

1.10.3 Teknologi Digital

Menurut Hashim (2017), e-pembelajaran ialah konsep kepada proses pembelajaran yang melibatkan penggunaan pelbagai alat elektronik untuk berinteraksi secara kolaboratif dan konstruktif dalam pembelajaran dalam talian. Manakala, beliau mendefinisikan operasi pula memfokuskan kepada kemahiran mengendalikan alat atau





perkakasan teknologi secara atas talian dengan tumpuan kepada teknologi untuk memudahkan proses pengajaran.

Webster's New Collegiate Dictionary mengambil perspektif sosiologi dalam definisi teknologi sebagai "*..keseluruhan cara yang digunakan untuk menyediakan objek yang diperlukan untuk rezeki dan keselesaan manusia*" dan "*kaedah teknikal untuk mencapai tujuan praktikal.*" Definisi awam yang lazim berdasarkan pada penggunaan semasa ialah "*teknologi sama dengan jentera*" iaitu sebagai proses untuk menyelesaikan masalah menggunakan sumber manusia dan lain-lain untuk mencari penyelesaian kepada masalah manusia (Makki & Makki, 2012). Menurut Rashid et al. (2012), maksud teknologi ialah penggunaan alat yang berperanan dan berfungsi untuk menyempurnakan sesuatu perkara atau tujuan.



1.10.4 Aplikasi Komputer

Perkembangan komputer tahun 1800-an yang pertama bermula dengan inovasi yang sederhana. Pada tahun 1822, Charles Babbage merupakan seorang ahli matematik dan berbangsa Inggeris. Komputer yang pertama telah ditemui oleh beliau. Babbage memberi maksud kepada sebuah mesin hitung bertenaga wap yang dapat menghitung jadual angka. Kemudian "*Difference Engine O*" adalah nama kepada mesin tersebut dan dikenali sebagai komputer pertama di dunia. Kebanyakan komputer moden yang ada pada hari ini jauh berbeza dengan bentuk *Difference Engine O* (Pratama, 2021).





Menurut Pratama (2021) lagi, apabila memasuki abad ke-21, peranti komputer juga semakin pesat berkembang seiring dengan perkembangan teknologi. Media penyimpanan portable yang lebih canggih mula menyingkirkan USB drive yang merupakan penggunaan disket dan CD-ROM. Dalam masa yang sama, Mac OS X dikenali sebagai Apple yang memasuki satu inovasi terbaru melalui sistem operasi tersebut. Microsoft pula ialah Windows XP yang dikenali sebagai satu sistem komputer moden pada era moden kini. YouTube, Mozilla Firefox, dan MySpace telah pun muncul. Komputer riba sudah menjadi satu tren sehingga tahun 2006 dan penggunaannya semakin meluas dalam masyarakat. Sebagai contohnya, penggunaan laptop MacBook Pro telah diperkenalkan oleh Steve Jobs dalam masyarakat. Pada tahun 2007, perkembangan MacBook telah dipanjangkan oleh generasi itu yang dikenali sebagai MacBook Air. iPhone diperkenalkan oleh Steve Jobs yang merupakan individu pertama memperkenalkan alatan itu dan selepas itu iPad pula menyusul pada tahun 2010.

Walau bagaimanapun, perisian aplikasi adalah sejenis alatan yang paling penting kepada pengguna komputer kerana ia digunakan untuk mencapai banyak tugas yang membuat kita beralih kepada komputer seperti pemprosesan perkataan, penyemakan imbas web dan pemecahan data (Struyk, 2017). Oleh itu, dalam kajian ini aplikasi teknologi digital internet dapat memudahkan pengajaran guru Pendidikan Islam melalui strategi yang dicipta melalui daya kreativiti dan inovasi mereka.





1.11 Kesimpulan

Kesimpulan, kajian ini menyatakan bahawa penerapan alatan dan aplikasi teknologi digital pendidikan dalam kalangan murid sekolah adalah sangat penting. Peningkatan teknologi digital itu merupakan salah satu cabang usaha kerajaan melalui Dasar Pendidikan Digital (Ladjaharun et al., 2024). Antara usaha yang dilaksanakan kerajaan ialah dengan menyediakan segala kelengkapan akses internet bagi meningkatkan kualiti PdPc guru Pendidikan Islam. Guru Pendidikan Islam merupakan pelaksana dasar dalam pendidikan untuk menghasilkan kemenjadian murid. Oleh itu, peningkatan dunia teknologi pendigitalan dalam pendidikan kini menyebabkan guru Pendidikan Islam terpaksa akur dan menerima pengaplikasian digital tersebut.



Segala perubahan baru dalam Pendidikan juga memerlukan daya motivasi yang

tinggi kepada guru Pendidikan Islam untuk terus menerima dan mengaplikasi teknologi digital melalui PdPc mereka. Hal demikian kerana, pengaplikasian dunia teknologi digital menjadikan guru Pendidikan Islam lebih berkeaktiviti dan berinovasi tinggi. Guru Pendidikan Islam terutamanya mampu membina murid dalam pendidikan Akhlak untuk menjadi insan yang berguna kepada agama, nusa dan bangsa. Harapan pengkaji agar kajian ini akan memberi banyak idea baru untuk meningkatkan mutu pendidikan negara dalam pembinaan akhlak murid melalui persepsi guru Pendidikan Islam untuk menggunakan kaedah pengajaran digital.

